

MPKj arah projek punca banjir lumpur dihenti

HULU LANGAT 29 April - Hujan lebat selama lebih dua jam menyebabkan 10 buah rumah di Kampung Batu Tiga, Jalan Bangi Lama, Semenyih dekat sini, dilanda banjir lumpur semalam.

Penduduk mendakwa kejadian terbaharu itu cukup menyeksakan apabila jalan raya termasuk pekarangan rumah mereka dinaiki banjir lumpur.

Mereka mendakwa, kejadian itu sudah dijangka kerana selain sistem perparitan tidak sempurna, projek pembinaan perumahan bercampur yang terletak kira-kira 20 meter dari perkampungan tersebut menjadi faktor utama bencana itu.

Seorang penduduk, **Abdul Razak Mokhtar**, 64, berkata, kejadian itu merupakan yang kedua sejak minggu lalu dan mengakibatkan 10 daripada 50 buah rumah di kawasan itu terjejas.

“Ia dipercayai berlaku disebabkan limpahan dari parit besar yang tidak dapat mengalir masuk ke Sungai Semenyih,” katanya di sini, hari ini.

Turut berkongsi perasaan, **Mastura Abd. Wahid**, 35, yang mahu pihak bertanggungjawab segera menyelesaikan masalah banjir kilat di kawasan perumahan mereka.

“Sebelum projek ini diwujudkan, tiada kejadian banjir kilat dilaporkan di sini.



JOHAN Abdul Aziz (kanan) melihat keadaan saliran yang tersumbat sehingga menyebabkan banjir lumpur di Kampung Batu Tiga, Semenyih, Selangor semalam.



BANJIR lumpur yang melanda selepas hujan lebat selama dua jam di Kampung Batu Tiga, Semenyih, Selangor.

“Saya berharap pihak Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) dapat mengambil tindakan sewajarnya terhadap pihak pemaju terbabit,” jelasnya.

Sementara itu, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Semenyih, Datuk Johan Abdul Aziz turun padang melawat lokasi kejadian bersama Penolong Jurutera Jabatan Kejuruteraan MPKj, Norhaslinda Tajudin.

Johan berkata, beliau mengetahui masalah itu selepas menerima

aduan daripada penduduk.

Katanya, difahamkan projek berkenaan belum mendapat kelulusan MPKj dari segi infrastruktur dan hanya mendapat kelulusan kebenaran merancang bagi membangunkan pusat jualan.

“Saya menyifatkan ia satu ‘pencerobohan’ kerana pihak pemaju masih belum menghantar permohonan infrastruktur kepada MPKj. Saya berharap pihak pemaju perlu

bertanggungjawab sepenuhnya.

“MPKj juga diharapkan dapat melakukan pemantauan secara berterusan atau mengeluarkan notis henti kerja terhadap pemaju kerana jika hanya sekadar kompaun, mereka tidak gentar,” katanya.

Dalam perkembangan sama, Norhaslinda berkata, pihaknya akan mengeluarkan notis henti kerja serta-merta terhadap pihak pemaju berkenaan.

“Pada tahun lalu, pihak MPKj telah mengeluarkan kompaun berjumlah RM25,000 terhadap pemaju itu mengikut Seksyen 70 A (1) Seksyen 133 Akta Jalan, Parit dan Bangunan.

“Jika mereka ingin meneruskan projek itu mereka perlu mematuhi syarat yang ditetapkan,” katanya.

Selain Kampung Batu Tiga, Jalan Bangi Lama nasib sama turut dialami penduduk di Kampung Sungai Purun, Semenyih.